

18 MEI 2017

## Campur ekstasi dalam serbuk minuman

KOSMO! KHAMIS 18 MEI 2017

NEGARA 15

# Campur ekstasi dalam serbuk minuman

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**S**ERDANG - Taktik satu sindiket mencampurkan serbuk ekstasi dengan serbuk berperisa buah-buahan dalam pekete minuman bagi mengaburi mata pihak polis berjaya ditumpaskan dengan tertangkapnya lima suspek di Puchong di sini pada Isnin lalu.

Kesemua lima suspek termasuk seorang wanita berusia lingkungan 17 hingga 21 tahun itu ditahan dalam operasi yang dilakukan di beberapa lokasi sekitar Puchong.

Difahamkan, dadah yang siap dicampur dalam serbuk minuman berperisa itu diperolehi daripada satu sindiket di Pudu, Kuala Lumpur dan penjualan dadah itu disasarkan kepada golongan belia di sekitar daerah Serdang.

Serbuhan bermula pukul

11 malam hingga 3 pagi itu dilakukan hasil risikan sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang selepas tertangkapnya seorang suspek yang juga pelanggan kepada sindiket berkenaan.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Megat Mohamad Aminuddin Megat Alias berkata, sindiket itu menggunakan pekete label minuman berperisa buah-buahan yang sebenarnya mengandungi dadah jenis ekstasi.

Katanya, serbuk mengandungi dadah itu dijual dengan harga RM350 hingga RM400 satu pekete dan suspek dikatakan mendapat untung sebanyak RM50 dengan setiap penjualan.

Difahamkan, setiap satu pekete itu mengandungi 10 gram serbuk ekstasi.

Jelas beliau, sindiket itu didapati aktif sejak dua



MEGAT MOHAMAD AMINUDDIN (dua dari kanan) menunjukkan pekete minuman berperisa buah-buahan yang mengandungi serbuk ekstasi pada sidang akhbar di IPD Serdang semalam.

bulan lalu dan mereka meniru bungkusan minuman berperisa buah-buahan itu bagi mengaburi mata

pihak polis.

"Kebanyakan pembeli merupakan pelanggan pusat hiburan dan setiap

satu pekete dadah itu mampu menghayalkan seseorang individu sehingga lima jam. Selain itu, satu

pekete serbuk minuman tersebut boleh dijadikan satu jag minuman.

"Dalam serbuhan itu, pihak polis merampas tiga pekete serbuk minuman berperisa buah-buahan mengandungi dadah, lima pekete plastik mengandungi dadah jenis ketamin seberat 3.42 gram, 80 biji pil eramin 5 dan 10 biji pil ekstasi," katanya pada sidang akhbar di IPD Serdang di sini semalam.

Menurutnya lagi, suspek didapati menghantar dadah berkenaan ke lokasi yang ditetapkan pelanggan manakala bayaran pula akan dilakukan menerusi perbankan.

"Pihak polis masih memburu individu lain dan kesemua suspek yang positif dadah itu ditahan reman sehingga 22 Mei ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta dadah Berbahaya 1952," ujarnya.